

SISTEM PENDAFTARAN CITRA

NIK NOR ATHIRAH BINTI NIK YUSOF
UMI ASMA' MOKHTAR

Fakulti Teknologi & Sains Maklumat, Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRAK

Sistem Pendaftaran Citra merupakan proses yang akan dilakukan oleh mahasiswa semasa minggu pendaftaran kursus. Universiti Kebangsaan Malaysia telah pun menggunakan Sistem Pendaftaran Kursus Citra ini, cuma untuk kali ini terdapat penambahbaikan terhadap sistem tersebut. Pendaftaran yang lama menyusahkan mahasiswa untuk mendaftar kursus yang penuh dan akan membuka sistem pendaftaran tersebut berulang kali untuk melihat kekosongan terhadap satu-satu kursus itu. Oleh itu, Sistem Pendaftaran Citra ini berasaskan web dibangunkan bertujuan bagi membolehkan mahasiswa supaya mendaftar kursus walaupun kursus sudah penuh nama dengan meletakkan nama mereka di dalam sistem senarai menunggu dimana apabila mahasiswa lain yang menggugurkan kursus tersebut, nama yang teratas didalam sistem senarai menunggu itu akan didaftarkan kursus yang digugurkan oleh mahasiswa tersebut. Sistem ini dibangunkan dengan menggunakan Xampp, Sublime text dan menggunakan bahasa pengaturcaraan HTML dan PHP sebagai skrip sokongan. Manakala pangkalan data yang digunakan ialah MYSQL.

1 PENGENALAN

Pada era globalisasi ini, teknologi semakin berkembang dengan pesat seiring dengan peredaran zaman yang semakin maju. Penggunaan komputer dalam kerja seharian telah banyak membantu manusia untuk menyelesaikan sesuatu pekerjaan yang rumit dengan lebih cepat dan efisien. Kebanyakan bidang di Malaysia terutamanya dalam bidang pendidikan, perniagaan, dan pentadbiran bergantung dengan Teknologi Maklumat bagi memudahkan kerja-kerja yang dahulunya mereka menggunakan cara manual. Kini, banyak bergantung kepada aplikasi komputer untuk menyelesaikan masalah yang berlaku. Teknologi maklumat telah banyak menggantikan kerja yang dilakukan secara manual yang berasaskan pensel dan kertas dengan sistem yang berasaskan komputer. Kecanggihan teknologi maklumat, menyebabkan institusi pengajian menggunakan teknologi maklumat sebagai medium untuk membantu pelajar membuat kerja dengan cepat dan pantas termasuklah di Universiti Kebangsaan Malaysia. Mereka telah membangunkan satu sistem pendaftaran secara online bagi kursus Citra. Pendaftaran didefinisikan sebagai satu aktiviti atau proses yang dilakukan oleh manusia untuk menyertai sesuatu program yang dianjurkan oleh sesuatu organisasi.

Tujuan sistem ini dibangun adalah untuk memudahkan proses pendaftaran kursus bagi mahasiswa dan mahasiswi di UKM.

Sistem pendaftaran Citra merupakan satu sistem pendaftaran yang dapat membantu pihak pengurusan pendaftaran berurusan dengan mudah dan cepat. Kursus Citra ini mempunyai dua komponen iaitu Kursus Wajib Universiti dan Kursus Citra Universiti. Sistem pendaftaran Citra di UKM ini juga membantu para pelajar supaya tidak perlu berasak-asak semasa pendaftaran. Sistem ini dibangun kerana kursus Citra yang ditawarkan oleh Pusat Citra mempunyai banyak domain, iaitu enam (6) domain. Semua pelajar wajib mengambil citra domin ini mengikut kepeluan kredit yang ditetapkan keatas setiap pelajar.

2 PENYATAAN MASALAH

Peranan komputer pada masa kini amat penting dalam kehidupan manusia. Setiap masalah yang kita hadapi dapat diselesaikan atau dapat diatasi dengan menggunakan komputer. Jadi untuk tidak membebankan pelajar di UKM satu sistem pendaftaran kursus Citra secara online telah di bangunan. Hal ini kerana untuk memudahkan pelajar supaya tidak perlu datang ke pejabat untuk membuat pendaftaran. Walaupun sistem ini berguna kepada mahasiswa dan mahasiswi UKM tetapi terdapat juga rungutan mengenai permasalahan sistem pendaftaran ini. Masalah ini berkaitan dengan kursus yang ditawarkan tidak mencukupi dan sistem yang satu hala. Kursus yang ditawarkan pada setiap semester mempunyai had bilangan pelajar untuk setiap satu kursus. Pada minggu pendaftaran, permintaan mahasiswa dan mahasiswi terhadap satu kursus itu tinggi, menyebabkan had bilangan yang disediakan oleh pihak pendaftaran tidak mencukupi walaupun pada masa tersebut masih lagi minggu pendaftaran. Sistem sehala pula terjadi apabila sistem tidak memberitahu mahasiswa yang lain bahawasanya kursus tersebut ada kekosongan. Hal ini menyebabkan mahasiswa yang lain terpaksa membuka sistem ini setiap hari dan setiap masa untuk mengetahui masih adakan kekosongan terhadap kursus tersebut.

3 OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bermatlamat bagi membangun sistem untuk mendaftar kursus citra yang dikenali sebagai Sistem Pendaftaran Citra (SPC). Matlamat ini dicapai melalui objektif seperti:

1. Mengenal pasti kursus yang mempunyai bilangan permintaan yang banyak bagi setiap kursus yang ditawarkan pada setiap semester.
2. Memasukkan nama mahasiswa/i ke dalam senarai menunggu sekiranya had bilangan kursus sudah penuh.

4 METOD KAJIAN

Menambahbaik sistem Pendaftaran Citra di UKM, dengan menggunakan kaedah Air Terjun. Kaedah ini dipilih kerana dapat mengelak berlakunya pemasalahan dan kekeliruan semasa proses pembangunan dilakukan. Kaedah ini dapat menerangkan setiap proses yang dijalankan dengan terperinci dan dapat mengesan masalah dengan cepat.

4.1 Fasa Analisis

Fasa ini melibatkan analisis dan terjemahkan maklumat yang dikumpul dalam fasa perancangan. Analisis tentang kesesuaian topik dan menilai kepentingan untuk menjalankan kajian ini dilakukan. Selain daripada itu, analisis tentang perkakasan dan perisian juga dijalankan untuk memasti perkakasan dan persisian yang sedia ada adalah sesuai untuk membangun projek ini.

4.2 Fasa Perancangan

Selepas memahami segala analisis keperluan, fasa yang seterusnya ialah fasa perancangan, didalam fasa ini rekabentuk sistem dan reka bentuk program dijalankan. Fasa ini memainkan peranan yang sangat penting kerana dalam fasa ini akan menjelaskan bagaimana sistem ini dibangunkan. Reka bentuk sistem dan reka bentuk program adalah berdasarkan analisa keperluan yang diperoleh oleh Fasa 1. Dalam reka bentuk sistem, fungsi dan modul yang dicadangkan dalam sistem ini boleh dipecahkan kepada beberapa su modul kecil supaya sistem ini boleh dibangunkan dengan tidak sangat kompleks. Dalam fasa ini, cara sistem ini akan beroperasi dapat dikenal pasti dari segi infrastruktur rangkaian serta pengkalan data yang akan digunakan. Rekabentuk antaramuka sistem dan laporan akan dihasilkan selepas tamat fasa ini.

4.3 Fasa Implementasi

Selepas perancangan, fasa yang seterusnya ialah implementasi. Dengan ada perancangan analisa keperluan dan rekabentuk, langkah implementasi ini hanya dilakukan mengikut rekabentuk yang disediakan. Dalam fasa ini kerja pengkodan akan dilakukan berasaskan rekabentuk yang dibuat. Sistem Pendaftaran Citra akan dibina dan diuji sama ada dapat berfungsi seperti yang dirancangkan ataupun tidak. Apabila implementasi ini telah siap, ujian unit dilakukan dalam fasa ini. Ujian unit ini adalah untuk menilai fungsi sama ada betul atau tidak dan dapat mengenal pasti fungsi dalam sistem yang dibangun bebas daripada sebarang kesalahan.

4.4 Fasa Pengujian

Sistem pengujian akan dilakukan secara keseluruhan apabila sistem ini telah selesai dibina. Pengujian ini dilakukan oleh pihak berkenaan dan pengguna untuk memastikan sistem yang dibina dapat memenuhi keperluan pengguna.

4.5 Fasa Penyelenggaraan

Ini merupakan peringkat akhir dalam kitar hayat perisian. Dalam fasa ini, penyelenggaraan bertindak sebagai membaiki sistem jika terdapat perubahan atau ralat terhadap sistem ini.

5 HASIL KAJIAN

Bahagian ini membincang hasil daripada Sistem Pendaftaran Citra. Dalam projek ini, Xampp, Sublime, PHP dan HTML diguna untuk mereka bentuk antaramuka sistem pendaftaran citra. Bagi pengguna baru mereka hendaklah mendaftar masuk sebagai pengguna baru. Rajah 1 menunjukkan paparan untuk mendaftar sebagai pengguna baru.



Rajah 1 Paparan antaramuka Pengguna Baru

Jika pengguna baru tidak melengkapkan maklumat yang dihendaki semasa mendaftar sistem ini, ia akan mengeluarkan satu pemberitahuan supaya melengkapkan maklumat tersebut. Rajah 2 memaparkan contoh pemberitahuan tentang perkara tersebut.



Rajah 2 Paparan antaramuka apabila maklumat tidak lengkap Seterusnya adalah paparan kepada pengguna yang telah mempunyai akaun dalam sistem Pendaftaran Citra ini. Sistem ini ialah log masuk kepada pengguna untuk mendaftar kursus yang ditawarkan. Rajah 3 menunjukkan antaramuka log masuk.



Rajah 3 Paparan log masuk

Rajah 4 menunjukkan antaramuka pemberitahuan apabila mereka hendak masuk ke dalam sistem tetapi tidak masukkan maklumat terlebih dahulu.



Rajah 4 Paparan apabila tidak memasukkan maklumat

Apabila pengguna masuk kedalam sistem mereka akan mengemaskini maklumat yang dipaparkan. Maklumat tersebut tentang butiran diri dan kursus yang diambil seperti Rajah 5.

NO MATRIK	
NAMA	
KAD PENGENALAN	
NO TEL	
EMAIL	
FAKULTI	
TAHUN DAN SISI	
KEPUTUSAN PEPERIKSAAN	
SENARAI KURSUS YANG DIAMBIL	

Rajah 5 Paparan Maklumat Pelajar

Pendaftaran kursus yang ditawarkan dapat dilakukan setelah semua maklumat yang perlu dimasukkan. Contoh paparan borang senarai kursus adalah seperti dalam Rajah 6.

The screenshot shows a web browser window with the URL 'localhost/tyo/daftar-kursus.php'. The page title is 'PENDAFTARAN KURSUS CITRA' and it has navigation tabs for 'UTAMA', 'PELAJAR', and 'BANTUAN'. The main content is titled 'SENARAI KURSUS' and contains a table of course details. Below this is a 'REKOD PENDAFTARAN' section with a table of registration records. A large watermark 'Copyright@FTSM' is overlaid on the image.

Kod Kursus	Nama Kursus	Bilangan Set	Tempat	Pensyarah	Hak Kapasiti	Citra Domain	
LMCK 1621	ETIKA DAN PROFESIONAL	1			50	C1	DAFTAR

Bil	Kod Kursus	Nama Kursus	Bilangan Set	Tanikh Daftar	Citra Domain	Status	
1	LMCK 1621	ETIKA DAN PROFESIONAL	1		C1	Daftar	Hapus

Rajah 6 Paparan senarai kursus dan rekod pendaftaran

6 KESIMPULAN

Sistem Pendaftaran Citra ini merupakan satu sistem pendaftaran kursus bagi pelajar dan pentadbir untuk memudahkan pendaftaran kursus berlaku. Fungsi sistem ini bukan sahaja untuk membuat pendaftaran, tetapi juga untuk menganalisis kursus mana yang mempunyai permintaan yang tinggi oleh pentadbir citra. Dengan menggunakan sistem ini, pengurusan pendaftaran dapat dilakukan dengan cepat dan efisien. Pendaftaran akan lebih mudah dan dapat meningkatkan kualiti pendaftaran. Melalui pembangunan sistem ini, pembangun sistem boleh didedahkan kepada Xampp dan Sublime Text, dengan penggunaan bahasa pengaturcaraan PHP dan HTML dan pengkalan data yang digunakan. Pembangun juga menjadi mahir dalam pengurusan data. Kebanyakan kemahiran dan pengetahuan baru turut di pelajari menerusi buku dan pencarian di Internet untuk menyiapkan sistem ini. Akhirnya, diharap bahawa cadangan yang dirancang oleh pembangun dapat diimplementasi supaya sistem tersebut boleh menjadi lebih menarik dan sempurna.

7 RUJUKAN

Mohammad Sabri bin Awang. 2006. Sistem Pendaftaran Subjek (Modul Sistem Admin Untuk Pendaftaran Subjek Pelajar HC00 Universiti Malaysia Sabah)

Wong Xian Ting 2012 Sistem Pengurusan Permohonan Penginapan Kolej Burhanuddin Helmi. Tesis Sarjana Muda Sains Komputer Universiti Kebangsaan Malaysia

Adisti Frediryana & Sukadi.2010. Journal Speed – Sentra Penelitian Engineering dan Edukasi. *Analisis Dan Perancangan Sistem Informasi Pendaftaran Mahasiswa Baru Pada Sekolah Tinggi Ilmu Tarbiyah Muhammadiyah Pacitan* 2(3):15-20

Copyright@FTSM